

27 FEB 2003

Syed Hamid-OIC

SIDANG KEMUNCAK TERGEMPAR OIC DOHA DIHARAP CAPAI KEPUTUSAN TEGAS

KUALA LUMPUR, 27 Feb (Bernama ) -- Sidang kemuncak Pertubuhan Persidangan Islam (OIC) di Doha, Qatar diharap dapat muncul dengan keputusan tegas dalam usaha mengelak serangan Amerika Syarikat dan sekutunya terhadap Iraq.

Menteri Luar Datuk Seri Syed Hamid Albar berkata, sidang kemuncak itu diharap dapat menambah nilai kepada kata sepakat yang dicapai pada mesyuarat tidak rasmi OIC di Kuala Lumpur pada Rabu.

"Kerana persidangan di Kuala Lumpur ini adalah persidangan tidak rasmi, kalau diadakan sidang kemuncak tergempar di Qatar, kita boleh membuat keputusan yang tegas, yang sejajar dengan pandangan banyak anggota OIC," katanya kepada pemberita selepas memberi taklimat tertutup kepada Kelab Penyokong Kerajaan di Hotel Legend di sini, hari ini.

Syed Hamid berkata, OIC tidak seharusnya dijadikan forum cakap kosong dan sebaliknya mesti mencapai satu keputusan yang tegas dan jelas.

Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad akan menghadiri sidang kemuncak OIC itu yang akan berlangsung pada 4 dan 5 Mac ini.

Syed Hamid yang akan turut menghadiri sidang tergempar OIC itu berkata, mesyuarat tidak rasmi OIC di sini benar-benar bermanfaat kerana ia telah mencapai kata sepakat mengenai isu Iraq dan Palestin.

"Perbincangan di Kuala Lumpur menawarkan maklumat balas awal. Ia input baik bagi mereka, tambah nilai," katanya.

Malaysia katanya, komited pada sidang tergempar OIC di Doha dan akan mengambil bahagian tanpa sebarang bantahan.

Syed Hamid adalah antara tiga pemimpin yang dijemput untuk memberi taklimat kepada para anggota Kelab Penyokong Kerajaan hari ini.

Kelab itu turut mengundang penceramah daripada Kementerian Pendidikan dan Kementerian Pertahanan.

-- BERNAMA

SMO AFY MUN PR